

07 NOV 2003

Nik Aziz-Jemputan

NIK AZIZ MINTA SUPAYA DIJEMPUT KE MESYUARAT MENTERI BESAR AKAN DATANG

KOTA BAHARU, 7 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk turut menjemput beliau serta Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang ke mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang akan datang di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.

Katanya pemimpin PAS yang menerajui pemerintahan dua negeri itu tidak wajar diketepikan, dan jemputan mesyuarat harus dibuat kepada mereka bagi membuktikan amalan sistem demokrasi di negara ini, di bawah pemerintahan ketua baru, masih berjalan dengan baik.

"Saya minta demokrasi mestilah dihidupkan termasuklah diberikan jemputan (kepada kami). Apa erti kami dipilih oleh rakyat secara sah, (tetapi) tiba-tiba macam tidak diakui, dan ini tidak betul, menyebabkan manusia terluka selama-lamanya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Amal Kebajikan MPKB di sini hari ini.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS berkata demikian bagi melahirkan rasa kurang senangnya ekoran mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Abdullah buat pertama kali selaku Perdana Menteri di Putrajaya semalam, berlangsung tanpa dimaklumkan kepada beliau dan Abdul Hadi, yang juga adalah Presiden PAS.

Semasa Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, kedua-dua Menteri Besar itu juga tidak dijemput ke mesyuarat berkenaan.

Pada mesyuarat itu, Abdullah mengarahkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya menubuhkan pasukan petugas khas untuk mengurangkan karenah birokrasi di negeri masing-masing sebagai usaha meningkatkan mutu pentadbiran awam supaya menjadi lebih cekap dan licin.

Mengulas arahan itu, Nik Aziz berkata langkah tidak menjemput beliau dan Abdul Hadi ke mesyuarat penting seumpama itu menyebabkan sesuatu maklumat utama daripada kerajaan pusat tidak sampai kepada kerajaan negeri dan ia boleh menjejaskan pelaksanaan dasar negara.

Bagaimanapun, beliau berkata Kelantan sedia bekerjasama menubuhkan pasukan petugas khas berkenaan seperti yang dikehendaki Abdullah, dan menurutnya Kelantan akan menubuhkan pasukan itu secepat mungkin selepas menerima arahan bertulis daripada kerajaan pusat.

Bagaimanapun Nik Aziz berkata arahan itu hanya akan diikuti selepas menerima arahan bertulis bagi mengelakkan kerajaan Kelantan daripada dituduh tidak mengikuti prosedur kerajaan yang ditetapkan.

"Sekiranya ada surat (arahan) cepatlah. Masalahnya jika kita buat juga tanpa surat, (dibimbangi) tidak diiktiraf pula oleh Badan Pencegah Rasuah... dan akhirnya kita yang kena tegur kerana membuat perkara yang tidak betul," katanya.

-- BERNAMA

WM RAR AZH